

<b>Headline</b>	<b>INFO AKTIVITI</b>
<b>Date</b>	<b>19 Nov 2010</b>
<b>MediaTitle</b>	<b>Utusan Malaysia</b>
<b>Section</b>	<b>Supplement</b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>
<b>Circ / Read</b>	<b>197,952 / 833,287</b>

<b>Language</b>	<b>Malay</b>
<b>Page No</b>	<b>K5</b>
<b>Article Size</b>	<b>202 cm<sup>2</sup></b>
<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>ADValue</b>	<b>3,992</b>
<b>PRValue</b>	<b>11,977</b>



## INFOAKTIVITI

**PLANETARIUM** Negara Kuala Lumpur akan menganjurkan Program Sidewalk Astronomy Night 2010 pada Sabtu ini bermula 8 malam hingga 10 malam di tapak Eye On Malaysia, Taman Tasik Titiwangsa. Program bertujuan memberi pendedahan kepada orang ramai mengenai ilmu sains angkasa. Untuk keterangan lanjut boleh menghubungi talian 03-2273 4303.

**NU SKIN** akan menganjurkan Kempen Derma Darah pada 25 November di Lobi dan Tingkat Satu, PNB Darby Park Retail. Kempen dengan kerjasama Pusat Darah Kebangsaan itu akan berlangsung dari pukul 12 tengahari hingga 5 petang.

**PERSIDANGAN** Antarabangsa Alam Sekitar anjuran bersama Life Link Malay-

sia dan Persatuan Pencinta Alam Cawangan Kedah akan diadakan di tiga lokasi iaitu di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kepong, Cameron Highlands dan Kuala Gula. Sebanyak 40 peserta dari 16 buah negara dijangka hadir.

**SIMPOSIUM** Promosi Kesihatan 2010 akan diadakan pada 27 November di Auditorium Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia, Cheras. Maklumat lanjut di [www.healthconference.my](http://www.healthconference.my).

**PROGRAM** Silang Budaya dan Sayembara Puisi Pelbagai Bahasa anjuran Majlis Perbandaran Klang pada 27-28 November di Dataran Seni, Klang. Untuk menyertai boleh menghubungi Roshayati Abdul Rahim di talian 03-3371 6044 samb.

1234/1015, 019-2207671, faks 03-33720875 atau [roshayati@mpklang.gov.my](mailto:roshayati@mpklang.gov.my).

**PROGRAM** berkhatan beramai-ramai anjuran Masjid Negara akan diadakan pada 27 November. Bayaran RM150 bagi seorang peserta. Untuk keterangan lanjut boleh menghubungi urus setia program Wan Aziz Wan Omar (019-623 6230), Mohd. Nazarudi Mohd. Nadzir (012-294 2996), Jamal Nahar Ibrahim (019-425 1389), Siti Mariam Ghazali (013-250 5081). Pendaftaran juga boleh dibuat dengan datang terus untuk mendapatkan borang penyerahan daripada Urusetia Program Berkhatan, Unit Perkhidmatan Sosial, Masjid Negara

**ROYAL** Selangor akan mengadakan Bengkel reka bentuk sepanjang November

ber bersempena sambutan ulang tahunnya ke-125. Peserta dapat mempelajari cara membuat dan menghias mangkuk pewter mereka sendiri dalam bengkel itu, yang akan dikendalikan oleh pengurus Grafik Korporat Royal Selangor, Eugina Lee. Bayaran RM125 dikenakan untuk setiap peserta. Untuk menyertai boleh menghubungi Letchumy (03-4145 6345) atau Maria Heng (03-4145 6237). Bengkel akan diadakan di Pusat Pelawat Royal Selangor, Setapak, Kuala Lumpur.

**WARGA** kota dijemput mengikuti kelas percuma membina laman web pada setiap hari Sabtu, di Sri Rampai Setapak. Yang berminat boleh menghubungi talian 1700-80-5000 atau melayari [e-Website.com](http://e-Website.com) untuk pendaftaran dan keterangan lanjut.